

21/04/1998

Sektor pertanian perlu suntikan baru

PERMINTAAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat memaksimumkan penggunaan tanah pertanian adalah satu ingatan berterusan supaya kita tidak lupa bahawa dalam apa bentuk kemajuan yang dicapai sekalipun, pergantungan kepada hasil pertanian tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia. Selain itu, perkara paling asas yang perlu dihayati oleh setiap orang ialah dengan berbakti kepada tanah, ia mengingatkan kita bahawa bumi yang dipijak ini adalah sumber hasil paling penting bagi manusia. Ia bukan saja penting kepada masyarakat petani, tetapi juga masyarakat pengguna lain. Tanpa petani yang mengusahakan tanah, kita mungkin tidak boleh memikirkan sesuatu projek yang lebih besar. Semua ini kerana menerusi sektor pertanianlah kita mendapat bekalan makanan yang mencukupi seterusnya menjadikan negara ini makmur. Oleh itu, setiap kita seharusnya sentiasa menadah tangan dan bersyukur kepada Ilahi kerana mengurniakan bumi yang kaya ini. Kita tidak mahu setelah kita mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang lain, kita lupa kepada sektor keutamaan. Pesanan Perdana Menteri bahawa dengan mengusahakan tanah akan meningkatkan daya kesyukuran kita, amat perlu kita amalkan. Selama ini kita dibesarkan hasil daripada tenaga petani yang mengusahakan tanah, sudah tentu nikmat kesyukuran itu dipanjangkan kepada setiap manusia. Sekurang-kurang ia menginsafkan kita bahawa betapa tinggi sekalipun kemampuan kita, akhirnya kita akan berbalik kepada hasil yang dikeluarkan daripada tanah yang diusahakan.

Kita boleh mencapai tahap kemajuan yang tinggi dalam bidang perindustrian, tetapi kita tetap memerlukan hasil pertanian kerana ia adalah sumber pemakanan. Jika bukan untuk tujuan eksport sekali pun, ia adalah untuk keperluan rakyat tempatan. Jika dieksport, ia mendatangkan hasil kepada negara. Kita juga boleh menjadi sebuah kerajaan elektronik, tetapi ini tidak bermakna kita tidak memerlukan hasil pertanian. Pertanian tetap menjadi sektor penting negara walaupun kita menjadi negara maju. Apa yang membezakan sektor pertanian dulu dan sekarang ialah di segi corak pertanian yang dijalankan. Kita tidak boleh menjadikan sektor pertanian sebagai sektor tradisi selama-lamanya. Kita perlu menyuntik nilai komersil dalam sektor berkenaan sejajar dengan kemajuan zaman.

Disebabkan banyak kawasan baru dibuka untuk pelbagai tujuan sama ada mewujudkan bandar baru, perumahan, kawasan perindustrian dan sebagainya, keluasan tanah menjadi kian terhad. Begitu juga, akibat banyak kawasan pertanian yang dipindah statusnya untuk tujuan lain, tanah pertanian menjadi kian sempit. Ini tidak bermakna sektor pertanian menghadapi masalah getir. Kita masih mempunyai tanah yang sesuai untuk tujuan itu. Jika mempunyai kawasan tanah yang luas sekali pun tetapi tidak digunakan secara optimum, ia satu pembaziran. Tetapi, sekalipun mempunyai tanah yang berpatutan di segi keluasannya, tetapi digunakan secara maksimum, hasilnya mungkin lebih besar. Oleh itu, setiap kita perlu tahu cara menggunakan tanah secara produktif dan sebaik mungkin.

Pada kita usaha memajukan sektor pertanian sebagai sebuah industri utama sudahpun bermula tetapi masih pada tahap yang agak perlahan. Sektor pertanian sudah menempuh pelbagai zaman. Hari ini kita tidak perlu lagi mendidik petani mengenai pentingnya menggunakan jentera kerana semua mereka sudah mengetahui pertanian secara tradisional tidak lagi produktif. Petani dididik supaya mengendalikan tanah mereka secara ladang yang boleh mengeluarkan hasil berlipat kali ganda. Hasil pertanian pula diproses

sendiri sebagai satu industri dan diekspor. Semua ini adalah proses yang kita lalui. Terbukti, sektor pertanian, bermula daripada menanam benih hinggalah kepada operasi di kilang, mendatangkan banyak keuntungan.

Menggunakan tanah secara maksimum bukanlah sesuatu yang mustahil. Dalam arus teknologi hari ini, segala-galanya boleh dilakukan tanpa masalah besar. Jika selama ini tanah yang digunakan untuk tanaman sayuran-sayuran boleh mendapatkan hasil dua kali setahun, mungkin dengan teknologi yang ada hari ini, tanah berkenaan boleh mengeluarkan hasil empat kali setahun. Tanah terbabit juga boleh digunakan untuk tujuan lain seperti penternakan binatang yang boleh mendatangkan hasil dan sebagainya seperti ayam, itik, lembu, kambing, kerbau dan sebagainya. Tetapi, semua ini perlulah mengikut sistem tertentu. Selama ini, tanah tidak dapat digunakan paling maksimum kerana petani tidak mengamalkan sistem yang sesuai.

(END)